

**Harga barang kembali normal di Pulau Tuba**  
**Malaysiakini.com**  
**November 07, 2010**

Program pengedaran barang perlu dan pelarasan harga membolehkan kira-kira 5,000 penduduk Pulau Tuba di Langkawi menikmati harga yang ditetapkan kerajaan ke atas barangan harian, gas petroleum cecair (LPG) dan bahan bakar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata penduduk dapat menjimatkan perbelanjaan harian secara keseluruhan berjumlah RM40,000 setiap bulan.

Beliau berkata kementerian sentiasa prihatin dan faham akan kesukaran dan keperitan hidup masyarakat pulau ini untuk memperoleh bekalan barangan keperluan harian terutama barang perlu seperti beras, gula, tepung gandum dan minyak masak.

"Selain itu harga LPG dan minyak agak tinggi berbanding dengan harga yang ditetapkan," katanya pada majlis pelancaran pengedaran barang perlu, penyeragaman harga LPG serta program kemasyarakatan di Pulau Tuba di Langkawi semalam.

Beliau berkata keadaan itu berlaku disebabkan pemborong, peniaga atau peruncit terpaksa menanggung kos pengangkutan yang tinggi.

Untuk tujuan itu, kementeriannya memulakan pelaksanaan projek itu sejak tahun lepas yang membolehkan penduduk menikmati barang-barang pada harga yang jauh lebih murah dari harga sebelumnya.

"Ini membolehkan penduduk berkenaan menggunakan wang baki untuk keperluan lain seperti pendidikan dan perubatan keluarga," kata Ismail Sabri.

Katanya pelaksanaan program itu dapat membantu meringankan bebanan rakyat untuk mendapat bekalan barangan dengan harga yang ditetapkan kerajaan.

--Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147499>